

PANDUAN EJEN KASTAM DI BAWAH SEKSYEN 90 AKTA KASTAM 1967

1. Siapa itu ejen kastam?

Di bawah peruntukan Seksyen 90 Akta Kastam 1967 ejen kastam boleh bertindak bagi pihak pengimport dan pengeksport untuk menjalankan urusan pelepasan barang-barang dari kawalan kastam. Ejen kastam terdiri dari ejen penghantaran dan ejen perkapalan.

2. Siapa yang boleh memohon?

- Permohonan terbuka kepada syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 atau Akta Pendaftaran Perniagaan 1956. Syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 hendaklah mempunyai modal berbayar sekurang-kurangnya RM50,000.00 manakala syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 hendaklah mempunyai modal berbayar sekurang-kurangnya RM100,000.00.
- Walau bagaimanapun kelulusan baru ejen penghantaran telah dibekukan oleh Jemaah Menteri mulai 10 Oktober 2007 dan masih lagi berkuatkuasa kecuali bagi syarikat yang mendapat status Perkhidmatan Logistik Bersepadu Antarabangsa (*International Integrated Logistics Services – IILS*) yang dikeluarkan oleh *Malaysian International Development Authority* (MIDA) dengan syarat pemilikan Sijil kursus Ejen Kastam bagi seorang pengarah/pengurus dan seorang kakitangan (yang berurusan terus dengan Kastam) hendaklah dipenuhi.

3. Bagaimana hendak memohon?

- Permohonan sebagai ejen kastam hendaklah dikemukakan secara bertulis dengan menggunakan format yang ditetapkan kepada Pengarah Kastam Negeri stesen kastam syarikat ingin beroperasi. Dokumen-dokumen seperti berikut yang telah disahkan oleh Pendaftar Syarikat hendaklah disertakan bersama:-
 - i. Salinan *Memorandum & Articles of Association* / Sijil Pendaftaran Perniagaan;
 - ii. Salinan Borang 9, 24, 44 dan 49 Akta Syarikat 1965;
 - iii. Sijil Pendaftaran (R.22 Pindaan 1/86) yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (bagi Negeri Sarawak sahaja);
 - iv. Pengesahan Pendaftaran Nama Perniagaan (*Extract of Registration of Business Name*) (bagi Negeri Sarawak sahaja);

- v. Borang 1-I.R.D No.7 yang dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (bagi Negeri Sarawak sahaja);
- vi. Lesen Berniaga (*Trading License*) (bagi Negeri Sabah sahaja);
- vii. Sijil Kursus Ejen Kastam (KEK) / Kursus Ejen Perkapalan (KEP);
- viii. Salinan Penyata Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)/EPF.

4. Menghadiri kursus dan lulus peperiksaan

- Sekurang-kurangnya seorang Pengarah atau Pengurus dan seorang kakitangan yang berurusan dengan kastam telah menghadiri kursus dan lulus peperiksaan yang ditetapkan.
- Kursus boleh disertai dengan menghubungi pihak Akademi Kastam Diraja Malaysia (AKMAL), Universiti Utara Malaysia (UUM) atau persatuan-persatuan ejen.
- Kursus ini hanya terbuka kepada warganegara Malaysia.

5. Menghadiri sesi temuduga

Satu sesi temuduga akan dijalankan bagi setiap permohonan baru untuk menilai pengalaman dan pengetahuan pemohon berkenaan dengan peraturan dan prosedur perkastaman dalam urusan import dan eksport.

6. Dasar Ekuiti

- Syarikat hendaklah memiliki penyertaan bumiputera sekurang-kurangnya 51% bagi setiap kriteria berikut iaitu modal saham, pengarah, kakitangan pengurusan dan kakitangan pembantu.
- Dasar ini hendaklah sentiasa dipatuhi oleh syarikat yang ingin menjadi ejen penghantaran serta kedua-dua ejen penghantaran dan perkapalan.
- Penyertaan bumiputera dikecualikan bagi syarikat yang menjadi ejen perkapalan, syarikat yang tersenarai di Bursa Saham Malaysia, syarikat yang mendapat status Perkhidmatan Logistik Bersepadu Antarabangsa (*International Integrated Logistics Services – IILS*) yang dikeluarkan oleh *Malaysian International Development Authority* (MIDA), serta syarikat bertaraf pemilik tunggal atau perkongsian yang mendapat kelulusan sebagai ejen penghantaran sebelum tahun 1976 (bagi Negeri Sarawak sebelum tahun 1977) dan syarikat tersebut dimiliki sepenuhnya oleh warganegara Malaysia.

7. Tempoh kelulusan

Tempoh kelulusan adalah selama satu (1) tahun bagi permohonan baru dan dua (2) atau lima (5) tahun bagi pembaharuan.

8. Memohon Pembaharuan

- Kelulusan yang tidak diperbaharui akan menyekat transaksi pengiklanan kastam dan seterusnya menyebabkan pelepasan barang dari kawalan kastam tidak dapat dilakukan.
- Permohonan pembaharuan hendaklah dikemukakan secara bertulis dengan menggunakan format yang ditetapkan kepada Pengarah Kastam Negeri yang meluluskan permohonan asal 14 hari sebelum tarikh luput kelulusan.
- Syarikat hendaklah memaklumkan sebarang perubahan maklumat syarikat (pegangan saham, pengarah, alamat syarikat, kakitangan) kepada pihak kastam dan mengemukakan dokumen-dokumen yang berkaitan.
- Sekiranya perubahan maklumat syarikat berlaku dalam tempoh kelulusan, dokumen yang berkaitan hendaklah dikemukakan dalam tempoh 21 hari dari tarikh perubahan berlaku.
- Kelulusan akan diperolehi pada hari yang sama sekiranya permohonan adalah lengkap dan setelah Pengarah Kastam Negeri berpuashati tiada berlaku perubahan maklumat sebagaimana pengakuan yang dibuat dalam lampiran berkenaan dengan memastikan syarat ekuiti dan penyertaan bumiputera dipatuhi dan tiada tunggakan cukai kepada Jabatan Kastam.
- Permohonan pembaharuan yang dikemukakan selepas tarikh luput akan dikenakan kompaun.

9. Bagaimana ejen boleh dilantik?

- Ejen tidak boleh bertindak bagi pihak pelanggan yang diwakilinya tanpa diberi kuasa oleh pelanggan tersebut.
- Pengimport atau pengeksport boleh melantik ejen dengan menggunakan format yang ditetapkan dan dikemukakan secara bertulis kepada Pengarah Kastam Negeri di stesen Kastam pelepasan barang akan dilakukan. Hanya 3 ejen boleh dilantik untuk menjalankan urusan pelepasan barang dari kawalan kastam di sesebuah negeri.

10. Pas Pengenalan Ejen

- Setiap kakitangan yang diluluskan akan diberikan Pas Pengenalan Ejen dan hendaklah dipakai pada setiap masa ketika berurusan dengan Kastam.
- Pas hendaklah diperbaharui dalam tempoh satu (1) bulan sebelum tarikh luput.
- Pas tidak boleh digunakan apabila pemegangnya tidak lagi berkhidmat dalam syarikat berkenaan dan hendaklah diserahkan kepada Unit Kawalan Ejen negeri berkenaan.
- Sekiranya pas hilang, pihak syarikat hendaklah mendapatkan surat kebenaran sementara dari unit kawalan ejen negeri berkenaan. Surat ini perlu ditunjukkan kepada pihak Kastam semasa urusan dibuat.

11. Tindakan Salah Laku

Sekiranya ejen didapati gagal mematuhi perundangan dan prosedur yang ditetapkan, terlibat dalam kegiatan fraud, penyelewengan, penyeludupan atau salah laku kod etika ejen, tindakan-tindakan berikut boleh dikenakan:-

- memberi amaran
- mambatalkan pas
- memendekkan tempoh kelulusan
- menggantung sementara kelulusan untuk berurusan dengan Kastam
- membatalkan kelulusan
- menyenarai hitamkan kakitangan / syarikat
- mencadangkan tindakan pendakwaan di mahkamah

12. Pembatalan Kelulusan

- Ejen boleh memohon untuk membatalkan kelulusan dengan memaklumkan kepada pihak Kastam secara bertulis.
- Syarikat ejen yang tidak mengemukakan permohonan pembaharuan selepas tempoh satu (1) tahun dari tarikh tamat kelulusan akan dianggap tidak lagi berminat untuk meneruskan operasi dan kelulusan akan dibatalkan.

- Kelulusan juga boleh dibatalkan oleh Kastam pada bila-bila masa tanpa notis tertentu dan tanpa sebarang alasan yang perlu diberikan.

Disediakan oleh : Bahagian Perkastaman Ibu Pejabat

Nota: Panduan ini hanyalah sebagai maklumat kepada Ejen-ejen Kastam dan orang awam, dan sebarang pertikaian mengenainya hendaklah merujuk kepada undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa.